



## SIARAN MEDIA

### MAFS JAMIN SUMBER PERIKANAN CUKUP DAN TERJAMIN

---

**HUTAN MELINTANG, 18 Februari 2023** – Sumber perikanan antara keperluan penting bagi rakyat dan permintaan makanan berasaskan sumber laut sentiasa meningkat seiring dengan populasi penduduk Malaysia. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa cakna bagi membantu kumpulan sasar seperti nelayan laut dan penternak akuakultur bagi terus menyumbang kepada keterjaminan bekalan makanan berasaskan ikan.

Menteri MAFS, YB. Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu telah mengadakan lawatan ke kilang pembuatan makanan iaitu QL Foods bagi melihat operasi penghasilan produk makanan sumber laut. Beliau juga telah menyampaikan bantuan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) dan Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND).

Untuk rekod, pengagihan bantuan **Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) sebanyak RM265,661** menyasarkan kepada **28 orang penerima** terkesan akibat bencana banjir. Manakala, **Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND)** pula menyasarkan pengagihan peruntukan berjumlah **RM2,515,000** kepada **3,320 orang penerima** elauan nelayan darat untuk memastikan keterjaminan makanan dalam sektor perikanan darat.

Turut diagihkan adalah **bantuan input peralatan akuakultur 2022 sebanyak RM2,875,150 kepada 490 penternak** dan **sebanyak RM210,000 bagi Bantuan Insentif Peningkatan Kemudahan Biosekuriti Perikanan**. Selain itu, peruntukan sebanyak **RM174,520 di bawah program MAFS PRIHATIN** turut diagihkan bagi menghargai sumbangan Ketua Jaringan Perikanan (KJP) sepanjang penggal 2021-2023. Seramai **1,031 orang ahli menerima empat (4) jenis peralatan keselamatan** iaitu vest keselamatan, *first aid kit*, lampu suluh jenis kalis air dan topi. Bantuan peralatan keselamatan nelayan juga telah diagihkan semasa sesi libat urus bersama Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Hilir Perak.

Mohamad berharap bantuan yang disampaikan dapat membantu mereka yang terkesan akibat banjir untuk bangkit semula. Bantuan ini juga membuktikan keprihatinan MAFS membantu meringankan bebanan menghadapi tekanan ekonomi disebabkan kenaikan kos sara hidup, pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan melalui projek-projek ekonomi berkaitan akuakultur dan

komuniti perikanan darat. Di samping itu, iaanya diharap dapat mempertingkatkan sosio ekonomi serta daya saing komuniti perikanan melalui pelbagai bantuan yang disediakan seperti insentif bantuan dalam bentuk peralatan mesin dan kemudahan fasiliti yang meliputi seluruh pengusaha yang terlibat di dalam rantaian bekalan industri perikanan iaitu penternak akuakultur, usahawan perikanan, dan nelayan darat.

Mohamad menyatakan agar keseluruhan pemberian bantuan bernilai RM6,040,331 yang disalurkan bukan sahaja perlu dimanfaatkan penerima sebaiknya, bahkan ia akan menjadi galakan kepada penerima yang terkesan akibat musibah banjir. DOF juga diingatkan agar sentiasa bersedia memberi bantuan teknikal agar golongan sasar dapat meneruskan perusahaan mereka dalam memastikan kecukupan dan keterjaminan sumber makanan negara.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**18 Februari 2023 (Sabtu)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 017-794 7799 (Mohd Nizam – KUKK)

012-664 9570 (Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)